

09 SEP 1998

GPMS SOKONG PENDIRIAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) hari ini menyatakan sokongannya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menerajui negara serta memantapkan kestabilan politik dan ekonomi negara.

Setiausaha Agung GPMS Syed Anuar Syed Mohamad berkata GPMS yakin anggota GPMS dan pelajar tidak akan melibatkan diri dalam sebarang tindakan yang akan memburukkan lagi suasana.

"GPMS menyeru semua pihak agar segera berhenti daripada membincangkan isu yang melibatkan pelucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri," katanya dalam satu kenyataan.

Ini kerana GPMS cukup yakin dengan kebijaksanaan dan ketelusan badan kehakiman negara yang membuat keputusan dengan penuh keadilan, kata Syed Anuar.

--BERNAMA

HAK WAT